

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, 28 April, 2019 2:21 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dua Tahun Penubuhan BGS Chapter UUM Terus Capai Kecemerlangan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 APRIL 2019 / 22 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: PPA COB dan Mohd Amir Aizat Sainon

DUA TAHUN PENUBUHAN BGS CHAPTER UUM TERUS CAPAI KECEMERLANGAN



UUM ONLINE: Walaupun baru tempoh dua tahun penubuhan, Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyerlahkan kecemerlangan bukan sahaja di peringkat nasional, malah antarabangsa.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, pelbagai kejayaan dan pengiktirafan diterima sepanjang tempoh tersebut, antaranya 'Highest Honor Chapter' pada Ogos tahun lalu dan terkini '2019 Best Practices in Leadership Outstanding Chapter Award'.

Menurutnya, selain pencapaian itu, UUM menerusi ahli BGS juga telah berjaya mencapai pelbagai kejayaan dalam aspek lain termasuk pencapaian individu sepanjang mereka berada di UUM.

“Kebanyakan ahli BGS adalah terdiri ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), presiden kelab dan aktif dalam aktiviti lain di pusat pengajian dan Inapan Siswa masing-masing.

“Pada masa ini, seramai tujuh ahli BGS Chapter UUM sedang mendapatkan biasiswa bagi mengikuti program mobiliti di Jepun, Indonesia dan Korea untuk mendapatkan pengalaman dalam perjalanan akademik mereka,” katanya pada Majlis BGS Afternoon Tea di EDC Hotel, baru-baru ini.

Dr. Hendrik berkata, kini terdapat seramai 185 pelajar yang dipilih menjadi ahli BGS Chapter UUM bagi tiga kohort sejak 2017 dan mereka telah melalui proses pemilihan yang ketat yang mana mereka bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah kokurikulum juga.

Menurutnya, mereka boleh menikmati pelbagai manfaat sama ada di UUM atau BGS Amerika Syarikat, antaranya keutamaan dalam menjalani program mobiliti berkredit dan mobiliti tidak berkredit, peluang menjalani latihan industri di syarikat multinasional, keutamaan dalam menjalani *program leadership course/trip*, mempunyai BGS Lounge sendiri dan keutamaan menyertai kursus berkaitan '*graduate employability*' yang dijalankan di UUM.

Selain itu, katanya lagi, semua ahli BGS juga boleh mendapat akses kepada pelbagai sumber dari laman web utama BGS serta mengambil bahagian dalam pelbagai program di Amerika Syarikat

“Sebagai BGS Chapter pertama di Malaysia, saya mempunyai satu aspirasi besar terhadap semua ahli BGS ini antaranya adalah untuk menghasilkan pemimpin masa hadapan yang berpengetahuan, berjaya dalam semua aspek pencapaian dan rasional di peringkat global.

“Saya berharap semua ahli BGS Chapter UUM terus memberikan komitmen mengikut nilai dan prinsip penubuhan iaitu *honour and integrity, the pursuit of wisdom, earnestness and service*,” katanya.

Pada majlis itu turut diadakan sesi dialog antara ahli BGS dengan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang mana ahli BGS diingatkan untuk memupuk ciri-ciri pemimpin yang rendah diri, berbakti kepada masyarakat, berintegriti tinggi dan sentiasa bekerja keras.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.